



كَلِمَاتُ الْحَقِّ وَالْبِرِّ الْوَالِدَاتُ
JHEAINS
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN



STANDARD PROFESIONALISME

Sukarelawan

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI SEMBILAN (JHEAINS)



STANDARD PROFESIONALISME *Sukarelawan*

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI SEMBILAN (JHEAINS)



Terbitan Pertama 2023
ISBN 978-629-97065-6-4

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS (JHEAINS).

Diterbitkan oleh :
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS)
Jalan Yam Tuan,
70000 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel : 06-766 4100 / 4200 Faks : 06-766 4201 / 4133

KANDUNGAN

Pengenalan	Kata Alu-Aluan Pengarah JHEAINS	1
	Pengenalan JHEAINS	2
	Pengenalan Kesukarelawanan	7
	Tatacara Penggunaan	13
Domain 1	Persediaan Diri	17
Domain 2	Penguasaan Ilmu	25
Domain 3	Pendekatan	29
Domain 4	Kemahiran	33
Domain 5	Sikap	39
Penutup	Glosari	42
	Penghargaan	43

Kata Alu-Aluan

**PENGARAH,
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته



Segala puji hanya bagi Allah SWT Yang Maha Pencipta sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat serta golongan yang mengikut langkah mereka hingga hari kiamat.

Dalam usaha memantapkan peranan JHEAINS sebagai pemangkin ummah sejahtera, pelbagai wadah diwujudkan untuk ummah mendekati diri dengan aktiviti kemasyarakatan. Oleh yang demikian, kesukarelawanan wajar dimanfaatkan untuk menyemangati institusi sosial agar sentiasa menghayati amalan beragama dalam kehidupan.

Dokumen Standard Profesionalisme Sukarelawan Jabatan Hal Ehwat Agama Islam Negeri Sembilan (SPSJ) ini menjadi polisi di peringkat jabatan untuk dilaksanakan oleh semua entiti kesukarelawanan yang ada di JHEAINS. Dokumen ini juga dapat memandu semua sukarelawan agar berusaha melengkapkan diri dengan ciri-ciri kemahiran yang dikehendaki selaras dengan Pelan Strategik JHEAINS 2020-2024.

Alhamdulillah, gabungan idea dan kolaborasi antara dua pihak iaitu UKM sebagai institusi pengajian tinggi dengan JHEAINS sebagai industri telah menatijahkan SPSJ ini yang boleh mengukur tahap kompetensi para sukarelawan. Para sukarelawan juga seharusnya bersedia meningkatkan tahap profesionalisme berdasarkan keperluan dakwah yang sentiasa berkembang seiring dengan perubahan zaman.

Terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam menghasilkan dokumen ini. Mudah-mudahan kewujudan dan peranan JHEAINS dapat dirasai dan dihayati oleh seluruh masyarakat di Negeri Sembilan.

DATO' MOHD ZAIDI BIN RAMLI

1950 - Penubuhan

- » Ditubuhkan di bawah Peraturan Majlis Ugama 1950 dan dikenali dengan Jabatan Ugama Negeri Sembilan atau Pejabat Ugama
- » Sohibul Fadhilah Tuan Sheikh Haji Ahmad Bin Sheikh Haji Mohd Said dilantik sebagai :
 - Mufti Kerajaan Negeri Sembilan
 - Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Negeri Sembilan
 - Yang Dipertua Jabatan Ugama Islam Negeri Sembilan

1997 - Pengasingan Bahagian Fatwa

- » Januari 1997, Bahagian Fatwa JHEAINS telah dipisahkan dan membentuk Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

2014 - Pewujudan bahagian baharu

- » Bermula Disember 2014, Unit Pengurusan Halal, Bahagian Penyelidikan dikenali dengan Bahagian Pengurusan Halal

2020 - Perpindahan ibu pejabat

- » Perpindahan ibu pejabat ke bangunan lama Majlis Perbandaran Seremban (MPS). Semua bahagian di JHEAINS berpindah operasinya di bangunan MPS kecuali Bahagian Dakwah, Pendidikan, Penguatkuasaan dan Undang-undang Keluarga Islam.

1976 - Pembinaan bangunan

- » Pembinaan bangunan JHEAINS hasil cadangan Encik Harun bin Baba, Pegawai Kewangan Negeri ketika memangku jawatan Yang Dipertua JHEAINS.

1980 - Perasmian bangunan

- » Bangunan JHEAINS dirasmikan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Jaafar ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman pada 21 Ogos 1980 bersamaan 10 Syawal 1400H

2006 - Pemisahan Bahagian Pendakwaan Syarie dan Penguatkuasaan

- » Bahagian tersebut dijadikan dua (2) bahagian iaitu Bahagian Pendakwaan dengan menggunakan Skim LS dan Bahagian Penguatkuasaan dengan menggunakan Skim S.

2018 - Pengasingan Bahagian Pendakwaan

- » Pada Januari 2018, Bahagian Pendakwaan dikenali sebagai Jabatan Pendakwaan Syarie Negeri Sembilan

Visi
Pemangkin Ummah Sejahtera

Misi
Pelaksanaan dasar-dasar hal ehwal Islam kepada masyarakat di Negeri Sembilan melalui tadbir urus yang berkualiti




Pelan Strategik JHEAINS 2020-2024 merupakan panduan kerja buat seluruh warga JHEAINS ke arah menjadi pemangkin kepada ummah sejahtera. Cabaran global dan tempatan memerlukan JHEAINS bergerak dengan lebih tersusun dan strategik untuk memastikan program yang dirangka dan dilaksanakan mampu menghasilkan “outcome” yang menepati kehendak pihak-pihak berkepentingan dalam membina masyarakat yang beramanah, bermuafakat dan sejahtera.

JHEAINS yang mula beroperasi pada tahun 1950 kini menjangkau usia 70 tahun pada 2020.

Oleh yang demikian, pelbagai cabaran dan dugaan yang dihadapi sepanjang tempoh tersebut telah cukup memantapkan JHEAINS untuk terus meneroka dan menginovasi pengurusan hal ehwal Islam khususnya di Negeri Sembilan agar terus relevan dan sesuai dengan keadaan semasa yang telah memasuki era Revolusi Industri 4.0 sejak tahun 2016 yang lalu. Ia menuntun perubahan semua pihak seiring transformasi digital itu, supaya dapat terus kekal berdaya saing dan merencanakan kemajuan landskap dunia moden. JHEAINS mengorak langkah untuk lebih urban.







Konsep Kesukarelawan Islam

Sukarelawan merujuk kepada dua perkataan, iaitu 'suka' dan 'rela'.

Perkataan 'suka' membawa maksud membuat sesuatu yang kita sukai atau seronok melakukannya seperti hobi. Kesukaan dan keseronokan ini akan mendorong seseorang melakukan sesuatu dengan sepenuh hati disertai dengan daya usaha, kreativiti dan inovasi.

Manakala perkataan 'rela' pula bermaksud melakukan sesuatu dengan pilihan dan kerelaan sendiri tanpa paksaan.

Pengertian ini selari dengan Kamus Dewan yang menjelaskan 'sukarela' bermakna "dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa-paksa, tidak dikerah dan dengan rela hati". Secara umumnya kesukarelawan merujuk kepada sebarang bentuk altruistik yang melibatkan perkhidmatan serta tidak berasaskan keuntungannya. Aktiviti dilaksanakan secara sukarela sama ada oleh individu atau kumpulan untuk memberikan manfaat kepada individu atau kumpulan.



Islam agama universal yang meliputi segenap aspek kehidupan masyarakat. Kesukarelawan adalah sebahagian daripada aspek dalam ajaran Islam yang menggambarkan keuniversalan tersebut. Kesukarelawan dari sudut pandangan Islam bermakna memberikan khidmat bakti kepada orang atau makhluk lain dengan ikhlas demi mencari keredaan Allah SWT. Penghayatan terhadap ajaran Islam menjadi faktor pendorong untuk seseorang melakukan tugas kesukarelawan. Konsep kesukarelawan dalam Islam mempunyai asas yang jelas berdasarkan dalil al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

1

Dalil al Quran



- Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah (5:2) yang bermaksud:

Hendaklah kamu saling membantu untuk melakukan kebaikan dan ketakwaan dan janganlah kamu saling membantu untuk membuat dosa dan penceroohan. Bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya balasan Allah amatlah berat.

- Firman Allah SWT dalam surah Hud (11:29) yang bermaksud:

Wahai kaumku, aku tidak meminta daripada kamu sebarang harta sebagai upah menyampaikan agama Allah itu. Tiadalah aku mengharapkan upahku melainkan daripada Allah semata-mata.

- Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' (4:114) yang bermaksud:

Tidak ada kebaikan dalam kebanyakan kata-kata yang mereka sembunyikan, kecuali orang yang menyuruh bersedekah, melakukan kebaikan atau mendamaikan antara manusia. Sesiapa yang melakukan demikian dengan tujuan mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan mengurniakan kepadanya pahala yang amat besar.

2

Dalil Hadis



- Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Orang yang menolong ibu tunggal dan orang miskin, mendapat ganjaran seperti orang yang berjihad di jalan Allah, beribadah pada waktu malam atau berpuasa pada waktu siang. (Riwayat Bukhari dan Muslim)

- Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Muslim itu ialah saudara bagi Muslim yang lain. Ia tidak boleh melakukan kezaliman dan tidak boleh membiarkan Muslim lain dizalimi. Sesiapa yang membantu menunaikan hajat saudaranya, Allah akan menolong menunaikan hajatnya pula. Sesiapa yang menghilangkan satu kesukaran pada seorang Muslim, maka Allah SWT akan menghilangkan untuknya kesusahan daripada sebanyak-banyak kesusahan pada hari kiamat. Sesiapa yang menutup keaiban seorang Muslim, Allah akan menutup keaibannya pula pada hari kiamat. (Riwayat Muslim)

Kelebihan Amalan Kesukarelawan

1 Kesukarelawan sebagai sebahagian daripada ibadat

2 Membina hubungan silaturahim sesama manusia

3 Membina imej Islam sebagai agama adil, rahmat dan sejahtera

4 Meningkatkan nilai diri insan

5 Memupuk kesejahteraan dan keharmonian dalam masyarakat

6 Melahirkan rasa tanggungjawab terhadap alam

7 Mendapat sanjungan agama dan masyarakat

8 Memupuk budaya saling cakna dalam kalangan masyarakat

9 Meringankan beban individu dan masyarakat

10 Berkongsi aspirasi kesejahteraan

Bentuk-bentuk
Kesukarelawan dalam Islam



Gotong royong



Menziarahi orang yang sakit dan kematian



Membantu golongan yang memerlukan



Menghadiri majlis dan keramaian



Memberikan sokongan moral dan nasihat

MATLAMAT

Membantu JHEAINS melaksanakan dasar-dasar hal ehwal Islam terhadap masyarakat di Negeri Sembilan menerusi amalan kesukarelawan

Duta
JHEAINS dalam
masyarakat

Penyampai
informasi daripada
JHEAINS kepada
masyarakat

FUNGSI

Sukarelawan
JHEAINS
berperanan sebagai:

Tulang
belakang yang
mengaktifkan aktiviti
kemasyarakatan

Pengerat
hubungan JHEAINS
dengan golongan
sasaran dakwah

Pemudah
cara JHEAINS
sebagai agensi
agama

Entiti Kesukarelawan JHEAINS

* Setakat 20 Oktober 2022



Sukarelawan Masjid
Negeri Sembilan



Sukarelawan Generasi
Za'ba



Briged Sukarelawan
JHEAINS Tampin



Sukarelawan Rakan
Ziarah

Warganegara
Malaysia

Tahap pendidikan
(Min SPM/STAM/
STPM/sijil ikhtisas
dan ke atas)

Tiada had
usia

Mempunyai
tahap kesihatan
yang baik

Bebas daripada
beban kewangan/
hutang yang serius

Bebas daripada
sebarang sabitan
kes jenayah dan
tatatertib

Mampu
memberikan
tumpuan
terhadap tugas
kesukarelawanan

Boleh membaca
dan menulis
dengan baik

Mengetahui atau
menguasai pelbagai
bahasa selain bahasa
Melayu (kelebihan)

Mengetahui atau
menguasai Jawi
dan bahasa Arab
(kelebihan)

Kemahiran khusus
dan jaringan sosial
(pertukangan/ruqyah
syariah/perubatan
alternatif)

Pengalaman
sebagai
sukarelawan

Bersedia
berkhidmat pada bila-bila
masa yang diperlukan
(komitmen)

Kemahiran media
sosial (Instagram,
Facebook, TikTok,
Youtube, Twitter)

Lesen
memandu





Menjadi panduan
untuk membina
kompetensi
sukarelawan
JHEAINS

Tujuan


Menyelaraskan
pelantikan
sukarelawan
JHEAINS

Mengukur
kompetensi
sukarelawan
JHEAINS

Latar Belakang



Dihasilkan oleh
lembaga penggubal
yang dilantik oleh
JHEAINS




Dipersetujui secara
kolektif oleh Ketua-ketua
Penolong Pengarah dan
Pegawai-pegawai Agama
Islam Daerah JHEAINS

Pelaksanaan

Carta alir penguatkuasaan



Carta alir pelaksanaan SPSJ



Pemakaian

Diguna pakai oleh semua bahagian pentadbiran dalam JHEAINS dan JHEAINS Daerah

Keperluan

Garis panduan untuk semua entiti kesukarelawanan JHEAINS

Membentuk sukarelawan yang kompeten

Meningkatkan kemahiran sukarelawan dari masa ke masa

Tarikh Berkuat Kuasa

1 Januari 2023

Pertanyaan



Bahagian Dakwah,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Negeri Sembilan,
Pusat Dakwah Islamiah Negeri Sembilan,
Paroi, 70400 Seremban,
Negeri Sembilan.

☎ 06-6751609

✉ dakwah.jheains@ns.gov.my

📘 facebook.com/jheainsofficial



PERSEDIAAN DIRI

Personaliti

Minda

Berjiwa Besar

Mengetahui Pelbagai Bahasa


Emosi


Komunikasi Berkesan

Penyucian Jiwa

Penampilan

Memiliki Tauliah









Penggunaan bahasa

Qawl layyin

- » Penggunaan bahasa yang lembut dan mempunyai ciri efumisme.
- » Menggunakan kata-kata yang tidak menyinggung perasaan *mad'u*.

Qawl maysur

- » Penggunaan bahasa yang mudah didengar, diterima dan difahami.

Qawl karim

- » Penggunaan bahasa yang menunjukkan rasa hormat, mulia dan enak didengar.

Qawl baligh


- » Penggunaan bahasa yang memberikan kesan dalam jiwa.
- » Kata yang mencapai maksud memiliki tiga ciri, iaitu bahasa yang betul, maksud yang sesuai dan kandungan yang benar.

Qawl sadid

- » Penggunaan kata-kata yang benar, jujur, tidak berbohong dan tidak memanipulasikan fakta.

Qawl ma'ruf

- » Penggunaan bahasa yang mempunyai perkataan atau ungkapan yang baik dan berhikmah.



Memohon tauliah daripada Jabatan Mufti Negeri Sembilan

- » Sukarelawan yang ingin memohon tauliah hendaklah beragama Islam daripada kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah, telah mencapai umur 21 tahun ke atas atau mencapai 18 tahun untuk pengajaran al-Quran dan tajwid, memiliki Ijazah Pengajian Tinggi Islam daripada universiti tempatan atau luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan atau mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam pengajaran yang diperlukan.
- » Membuat permohonan menerusi pautan <http://tauliah.muftins.gov.my/#>

Memiliki Tauliah

Memiliki sijil pelantikan sukarelawan JHEAINS

- » Terbuka kepada lelaki dan wanita warganegara Malaysia.
- » Boleh memberikan komitmen sepenuhnya.
- » Boleh berkhidmat secara sukarela.
- » Mempunyai sijil pelantikan sukarelawan JHEAINS yang sah.

Mematuhi garis panduan pemegang tauliah

- » Tidak boleh menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.
- » Tidak boleh menyentuh apa-apa yang berhubung dengan kebesaran, kemuliaan, kedaulatan dan kuasa Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja sebagai ketua negeri.
- » Tidak boleh menyinggung sensitiviti mana-mana kaum, agama, adat resam dan budaya penduduk tempatan yang boleh membawa ketegangan kaum dan agama.
- » Tidak boleh mempertikaikan perkara-perkara khilafiah yang terdapat dalam empat mazhab (Shafie, Hanafi, Maliki dan Hambali).
- » Tidak boleh mempertikaikan apa-apa jua fatwa negeri.
- » Dalam perkara-perkara berkaitan dengan hukum fiqh, hendaklah berdasarkan Mazhab Syafi'i.
- » Tidak boleh menyentuh isu-isu kepartian politik.
- » Tidak boleh menyentuh hal-hal peribadi mana-mana individu
- » Syarat-syarat lain yang ditentukan oleh jawatankuasa dari semasa ke semasa.

PENGUASAAN ILMU

**Ilmu Teras
Dakwah**

**Sosiologi dan
Sosiobudaya**

Psikologi

**Isu-isu
Semasa**

**Pengurusan
dan Pentadbiran
Hal Ehwal Islam**





Psikologi

Memahami ilmu bimbingan dan nasihat

Memahami ilmu psikologi manusia

Memahami asas ilmu kaunseling

- » Memahami konsep asas kaunseling.
- » Kemahiran melayan dengan baik.
- » Kemahiran mendengar.
- » Kemahiran menyoal dan menjawab.
- » Kemahiran memberikan dorongan.
- » Kemahiran memberikan refleksi.

- » Mengetahui cara yang sesuai untuk membimbing *mad'u* menyelesaikan masalah.
- » Mampu memberikan nasihat dan panduan kepada golongan yang memerlukan.
- » Dapat menyelesaikan masalah dengan profesional.
- » Membantu dengan menjadi teman pendengar yang baik.

- » Mendalami pengetahuan tentang fikiran, mental dan perilaku manusia.
- » Meneliti alur pemikiran manusia serta alasan di sebalik tindakan yang dilakukan manusia.



Isu-isu Semasa

Isu nasional

Aliran pemikiran semasa

Ajaran sesat

Perkembangan teknologi terkini

- » Mengetahui aliran pemikiran semasa seperti sekularisme, kapitalisme, Islam liberal dan sebagainya.
- » Dapat membezakan antara aliran pemikiran semasa dengan agama.

- » Mengambil tahu isu semasa.
- » Peka kepada pelbagai isu yang melanda negara.
- » Memupuk sifat keprihatinan terhadap isu yang melanda.

- » Memahami aliran fahaman yang menyeleweng melalui pelbagai medium.
- » Meneliti amalan yang jelas bertentangan dengan amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

- » Bergerak seiring dengan perkembangan teknologi semasa.
- » Mahir dalam menggunakan teknologi baharu.

Memahami enakmen berkaitan

- » Mengetahui seksyen dan enakmen yang terkandung dalam Pengurusan dan Pentadbiran Hal Ehwal Islam.
- » Merujuk enakmen yang berkaitan dalam perkara yang melibatkan hal ehwal agama Islam.
- » Memahami fungsi enakmen yang sedia ada.

Memahami peranan pihak yang berkepentingan

- » Memahami bidang kuasa institusi agama dengan jelas.
- » Mengetahui fungsi agensi agama yang terdapat di Negeri Sembilan.

Pengurusan dan Pentadbiran Hal Ehwal Islam

Memahami dan mematuhi institusi fatwa

- » Menerima pakai semua keputusan dan pandangan hukum yang telah dipersetujui di peringkat kebangsaan sebagai fatwa di negeri-negeri.

Memahami dan mematuhi pandangan Jabatan Mufti Negeri Sembilan

- » Menerima keputusan dan pandangan mufti.
- » Merujuk mufti untuk mendapatkan penjelasan berkaitan dengan hukum yang samar dan kurang jelas.
- » Memahami dengan tepat maklumat yang disampaikan oleh pihak mufti berkaitan dengan isu semasa.


PENDEKATAN



**Memahami
Sasaran**



Bertahap



**Pemugaran
Idea dan
Kreatif**





**Tindakan
Susulan**





**Menepati
Kehendak
Syariat**



**Memberikan
Dorongan
dan
Peringatan**







KEMAHIRAN

**Mampu
Mempengaruhi**

**Mendengar
dengan Teliti**

**Memerhati
dan
Memahami
Situasi**

**Menyoal dan
Menjawab**

**Pengurusan
Masa**

**Pengurusan
Organisasi**

Berkeupayaan menyampaikan dakwah dengan berkesan

- » Menggunakan bahasa yang berhikmah.
- » Menyampaikan fakta yang jelas.
- » Mengungkapkan kata-kata yang mengandungi pengajaran yang baik.
- » Menyerlahkan kemesraan dan keharmonian semasa berbincang, bertukar pendapat dan berdialog.
- » Menggunakan kiasan tertentu.
- » Menggunakan kaedah psikologi balikan (*Reverse-Psychology*).

Berkeupayaan memberikan nasihat dan pengajaran yang baik

- » Berbaik sangka dengan orang yang dinasihati.
- » Tidak memaksa *mad'u* untuk menerima nasihat yang diberikan.
- » Mengelakkan perbuatan menasihati *mad'u* di hadapan khalayak.
- » Tidak bertujuan mencela dan menyebarkan keburukan.

Mampu Mempengaruhi

Berkeupayaan menghargai tindakan yang baik

- » Sentiasa mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan.
- » Memuji dengan kata-kata yang baik dan tidak berlebihan.
- » Mengucapkan jazakallah khairan.
- » Mendoakan kesejahteraan dan mengharapkan pembalasan daripada Allah SWT.

Menggunakan panggilan yang sesuai dengan status dalam masyarakat

- » Memanggil dengan nama atau gelaran yang disukai.
- » Tidak memanggil dengan gelaran dan julukan yang buruk.
- » Memilih kata sapaan atau panggilan yang sesuai ketika berbicara.

Menggunakan analogi yang sesuai

- » Ungkapan yang maknanya tidak diketahui daripada makna perkataan itu sendiri.
- » Membuat perbandingan sesuatu perkara dengan benda yang lain yang lebih dekat dengan jiwa.
- » Menggunakan kiasan atau contoh yang mudah difahami.

Mendengar dengan Teliti

Bersedia mendengar dan memberikan tumpuan

- » Tidak mencelah tetapi memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap perbincangan.
- » Menghindari perbuatan yang boleh mengganggu konsentrasi sewaktu sesi perkongsian.
- » Menggunakan gaya persuasif agar *mad'u* dapat berkongsi dengan selesa.
- » Membina tumpuan melalui *eye contact* untuk menunjukkan minat.

Simpati dan empati

- » Menanyakan kesulitan yang sedang dihadapi.
- » Mendengarkan cerita tanpa menghakimi.

Memerhati dan Memahami Situasi

Menjaga jarak yang sesuai dengan *mad'u*

- » Sentiasa menjaga kehormatan sukarelawan dan *mad'u*.
- » Menjaga keselesaan antara sukarelawan dan *mad'u*.

Membaca, memahami dan menganalisis situasi *mad'u*

- » Memerhatikan perasaan dan perbezaan dari segi air muka dan renungan mata.
- » Memberikan kata-kata semangat yang positif kepada *mad'u* atas ujian yang menimpa.

Menggunakan bahasa badan yang dapat mempengaruhi *mad'u*

- » Hubungan mata yang menunjukkan perhatian dan kepedulian.
- » Mengganggu bagi menggalakkan *mad'u* bercerita.
- » Riak muka yang menunjukkan minat untuk terus bercerita.
- » Isyarat secara fizikal seperti tangan terbuka dan tidak menyilangkan kaki.
- » Bersikap tenang yang dapat meyakinkan *mad'u*.
- » Membuat catatan yang ringkas bagi menunjukkan perhatian.

Menggunakan bahasa yang baik dan difahami

- » Tidak menggunakan perkataan yang bombastik.
- » Menanyakan soalan yang ringkas dan tidak meleret.
- » Menjawab dengan cara yang berhemah.
- » Mengelakkan jawapan yang bersifat provokasi.

Mengelakkan isu sensitif ketika berkomunikasi

- » Memastikan soalan atau ujaran tidak menyinggung perasaan *mad'u*.
- » Memikirkan kewajaran soalan sebelum mengajukannya kepada *mad'u*.

Menyoal dan Menjawab

Menggunakan intonasi suara

- » Tidak menggunakan bahasa yang kasar dan kesat.
- » Menunjukkan kelembutan dalam tutur kata supaya tidak menyentuh perasaan *mad'u*.

Mengawal tempo percakapan

- » Mengawal kelajuan ketika bercakap bagi membantu *mad'u* untuk memahami apa yang disampaikan.

Berkemahiran menjawab persoalan

- » Peka dengan soalan yang diajukan.
- » Menjawab soalan dengan fakta yang benar.
- » Memberikan jawapan yang relevan dan mudah difahami.

Pengurusan Masa

Menetapkan masa bagi setiap tugasan

- » Membuat senarai tugasan yang perlu dilakukan.
- » Menyelesaikan tugasan mengikut masa yang ditetapkan.
- » Merancang tempoh masa yang diperlukan dalam sesuatu tugasan.

Menepati masa

- » Sentiasa mematuhi masa yang ditetapkan.
- » Menetapkan penggera masa secara sistematik.
- » Tidak menangguhkan tugasan.

Merancang masa dengan baik

- » Menetapkan matlamat yang ingin dicapai.
- » Tidak melengah-lengahkan tugasan yang diberikan.

- » Merangka aktiviti yang sesuai dengan kelompok umur *mad'u*.
- » Merangka peruntukan kewangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan.
- » Mengenal pasti tugas dan tanggungjawab jawatankuasa.
- » Merangka aktiviti yang sesuai dengan matlamat organisasi.

Menyediakan pelan alternatif kepada perancangan organisasi

- » Mengenal pasti tindakan alternatif yang boleh dilaksanakan dalam mencapai matlamat organisasi.
- » Mewujudkan banyak pilihan dan cadangan agar keputusan yang tepat dapat diambil.

Menguasai aspek protokol dan tatacara majlis

- » Merancang keperluan sebelum, semasa dan selepas aktiviti yang dijalankan.
- » Memastikan aktiviti yang dijalankan berjalan lancar.
- » Menerangkan dengan jelas tugas dalam jawatankuasa yang telah ditetapkan.
- » Membuat penilaian selepas program untuk membaiki kelemahan pada masa akan datang.

Membuat perancangan yang teratur sebelum memulakan aktiviti



Memahami fungsi organisasi secara menyeluruh



- » Mengenal pasti objektif, misi, visi serta matlamat yang ingin dicapai oleh organisasi.
- » Usaha kolektif : Memahami hala tuju dan matlamat yang hendak dicapai oleh organisasi.
- » Positif : Menjadikan tugas sukarelawan sebagai peluang bagi pencapaian matlamat, memenuhi keperluan hidup dan menyediakan sokongan sosial ketika berlaku krisis.
- » Kerjasama: Tidak mementingkan diri sendiri dan mengambil keputusan tanpa perbincangan sesama ahli dalam organisasi.
- » Saling melengkapi : Setiap anggota ada peranan masing-masing mengikut kepakaran.



Berkeupayaan bekerja secara berpasukan


Berkeupayaan mengendalikan mesyuarat dengan baik

- » Menetapkan masa, hari dan tempat yang sesuai mengikut keadaan sukarelawan dan *mad'u*.
- » Memberikan pandangan dengan jelas dan ringkas.
- » Bersikap tenang dan menghindari ujaran yang kasar walaupun dalam situasi yang tegang.
- » Memberikan tumpuan terhadap perbincangan.
- » Menepati masa yang ditetapkan ketika menjalankan atau menyertai mesyuarat.

Domain 5


SIKAP
Jujur
Integriti
Istiqamah
**Prihatin dan
Mengutamakan
Kepentingan
Masyarakat**
Komited
Bertanggungjawab
Ikhlas






- » Bertanya khabar dan mendengar luahan *mad'u* dengan bersungguh-sungguh.
- » Membantu menyelesaikan masalah.
- » Mengutamakan permasalahan *mad'u* dengan segera menyelesaikannya.

- » Memahami dan meramalkan perasaan dan fikiran *mad'u* dengan membayangkan diri sendiri dalam keadaan yang sama.
- » Menunjukkan rasa belas kasihan terhadap masalah *mad'u*.
- » Memberikan respons yang positif.



- » Memberikan komitmen dan fokus sepenuhnya terhadap tugas yang diberikan.
- » Sentiasa peka terhadap arahan yang diberikan.

- » Bersedia menjalankan kerja sukarela tanpa mengira masa.
- » Memantapkan mental dan fizikal untuk menghadapi cabaran ketika memberikan bantuan.



Empati	Menyelami dan memahami perasaan atau emosi orang lain	Mazmumah	Sifat tercela, terhina atau terkeji
Fardu Ain	Kewajiban atau sesuatu tugas hukum secara individual yang harus dilakukan oleh muslim	Muhasabah	Perbuatan menilai diri untuk kebaikan diri sendiri
Interpersonal	Sesuatu yang berlaku antara manusia	Pemugaran	Pembaharuan
Intrapersonal	Komunikasi yang berlaku dalam minda individu atau diri sendiri	Persuasif	Berupaya mempengaruhi atau meyakinkan orang lain utk melakukan sesuatu
Islam liberal	Bentuk pemikiran yang bebas, terbuka dan dipandu oleh hawa nafsu dalam bidang yang pelbagai.	Psikologi balikan	Strategi yang digunakan untuk menjadikan seseorang melakukan apa yang dikehendaki dengan cara meminta dia melakukan perkara yang sebaliknya
Kapitalisme	Sistem ekonomi politik yang cenderung ke arah pengumpulan kekayaan secara individu tanpa gangguan kerajaan	Sekularisme	Menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia
Kontingensi	Peristiwa atau perkara yang berlaku luar jangkaan	Sosiobudaya	Adat istiadat
Kooperatif	Saling membantu antara satu sama lain	Sosiologi	Kehidupan masyarakat
Mad'u	Orang yang ditarbiyah atau sasaran dakwah	Shuhrah	Pakaian yang dipakai bertujuan meraih kemasyhuran
Mahmudah	Sifat terpuji	Tabarruj	Berlebih-lebihan dalam berhias
Mauduk dakwah	Risalah yang dibawa oleh para rasul dan satu-satunya agama yang diredhai Allah SWT		

PENASIHAT :

Dato' Mohd Zaidi bin Ramli
 PENGARAH
 JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

PENGERUSI :

Pn. Asniza binti Ahmad
 KETUA PENOLONG PENGARAH
 BAHAGIAN DAKWAH JHEAINS

PENYELIDIK :

1. Prof. Dr. Abdul Ghafar bin Don
2. Dr. Khazri bin Osman
3. Dr. Mohamad Zulkifli bin Abdul Ghani
4. En. Anuar bin Puteh

AHLI PANEL PENGGUBALAN :

1. En. Muhammad Aiza bin Zamrose
2. En. Abdul Rahim bin Ma'amor
3. Dr. Amru Alhaz bin Adnan
4. En. Mohd Asri bin Abdullah
5. En. Nik Azlan bin Nik Man
6. En. Ridzuan bin Awang
7. En. Mohd Fitri bin Muhamed
8. En. Syamsul Ammar bin Shuib
9. En. Mohd Raizalani bin Mohd Rais
10. En. Mohd Yazid bin Saad
11. En. Fadhli bin Yutiman
12. En. Shafie bin Muhammad
13. En. Muzahar bin Mat Dali
14. En. Mohd Murad bin Mohd Yusof
15. En. Johari bin Bujang
16. En. Ahmad Azlan bin Raihan
17. En. Zaher Rudin bin Moktar
18. En. Mohamad bin Mohsin
19. En. Zafri Ismaiskandar bin Abdul Ghani
20. Pn. Rozana binti Mohd Yusof
21. En. Mohd Irman bin Samsudin
22. En. Ahnaf Hilmi bin Mohd Arif
23. En. Mohd Firdaus bin Taslim
24. Pn. Nor Faizatul Ezzati binti Isnan

SETIAUSAHA :

1. Cik Sharifah Nuraina Nabila binti Syed Shariffuddin
2. Cik Siti Aminah binti Rosli
3. En. Muhamad Amirul Hakimi bin Azman

PENILAI :

1. Prof. Madya Dr. Razaleigh bin Muhamad @ Kawangit
2. Prof. Dr. Badlihisam bin Mohd Nasir
3. En. Mohd Ansarullah bin Mohd Hashim

SEKRETARIAT :

1. Pn. Siti Robiah binti Md Yusof
2. Pn. Normedia binti Hamzah
3. Pn. Faridah binti Abd Halid
4. Pn. Nu'rain Adawiyah binti Selamat
5. En. Mohd Anwar bin Jahaya
6. Cik Siti Syuhada binti Che Rose
7. En. Muhammad Azman bin Mohd Nor
8. Pn. Farah Mazliana binti Zakaria

STANDARD
PROFESIONALISME
SUKARELAWAN
JHEAINS

SPSJ



Bangunan MPS Lama , Jalan Yam Tuan,
70000 Seremban, Negeri Sembilan.

- ☎ 606-766 4100
- ☎ 606-766 4201
- ✉ korporat.jheains@ns.gov.my
- 📘 facebook.com/jheainsofficial

ISBN 978-629-97065-6-4

